

05/08/1997

Nawaz tidak buat ulasan: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ebi Azly Abdullah
LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, Perdana Menteri Pakistan, Mohamad Nawaz Shariff tidak membuat sebarang ulasan mengenai tahap kebersihan di ibu negara.

Menurut Perdana Menteri, Nawaz Shariff yang berlepas pulang semalam selepas lawatan rasmi empat hari ke negara ini, tidak pernah memberitahunya bahawa keadaan di Kuala Lumpur kotor.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, laporan akhbar hari ini mengenai kenyataannya berhubung perkara itu tidak tepat.

"Saya hanya ingin buat pembetulan mengenai semalam. Saya tidak kata Nawaz kata Kuala Lumpur kotor. Dia tidak berkata begitu. Apa yang berlaku (sebenarnya), dia beritahu saya Kuala Lumpur sangat bersih dan kemudian dia pergi ke Lot 10. Saya tidak pasti sama ada dia lihat atau tidak (keadaan kotor).

"Tetapi Tajol Rosli (Timbalan Menteri Dalam Negeri) yang menemaninya ketika berjalan dari Lot 10 balik ke Hotel Regent (tempat penginapan Nawaz) melihat betapa kotornya jalan. Dan dia (Tajol Rosli) bagi tahu saya Nawaz pasti melihat betapa kotornya jalan.

"Nawaz tidak kata ia kotor. Saya harap ia jelas atau mahu saya alihkan ke bahasa Melayu atau Cina. Saya tidak tahu bagaimana hendak buat ia jadi jelas. Setiap kali saya sebut sesuatu, perkara lain yang dicetak," katanya yang memberi penjelasan itu dalam bahasa Inggeris.

Perdana Menteri menjelaskan demikian selepas merasmikan Pameran dan Persidangan Langkawi Oshkosh East Fly-In 1997 (Langkawi Fly-In '97), di sini.

Kebanyakan akhbar hari ini melaporkan, Dr Mahathir menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota kerana ia bukan saja mencemarkan imej negara, malah mengaibkan pemimpin.

Bercakap kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Nawaz Shariff di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah semalam, Dr Mahathir menamakan Jalan Bukit Bintang sebagai kawasan paling kotor kerana sampah-sarap jelas kelihatan di sepanjang jalan itu.

Dalam nada marah, beliau berkata: "Saya ingin nyatakan saya tidak gembira dengan Jalan Bukit Bintang kerana ia terlalu kerap kotor. Setiap malam orang duduk di sana, minum kemudian membuang tin minuman di merata-rata tempat.

(END)